

11 DEC 1998

HARTANAH-DISKAUN

PEMAJU TAWAR DISKAUN LEBIH DARIPADA RM700 JUTA

KUALA LUMPUR, 11 Dis (Bernama) -- Pemaaju hartanah menawarkan diskaun berjumlah lebih daripada RM700 juta bagi hartanah perumahan dan komersial sepanjang Kempen Pemilikan Rumah yang akan dilancarkan esok.

Sejumlah 222 syarikat hartanah telah menyatakan hasrat mereka untuk menyertai kempen itu yang menawarkan hartanah tulen bernilai RM5.228 bilion, kata pengarah urusan Kajang Utama Bhd Mazlan bin Ali.

Selepas diskaun, jumlah nilai adalah RM4.529 bilion tetapi angka sebenarnya akan diketahui esok apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed melancarkan kempen itu, katanya kepada pemberita ketika taklimat mengenai kempen itu.

Perdana Menteri dijangka mengumumkan insentif kerajaan bagi kempen itu yang akan tamat pada 12 Januari tahun depan.

Mazlan berkata majoriti hartanah itu adalah unit rumah kediaman yang menyumbang lebih separuh daripada jumlah itu.

Jumlah terbesar pemaaju yang menyertai kempen itu adalah dari Selangor/Kuala Lumpur sebanyak 76 syarikat yang menawarkan 7,075 unit rumah kediaman dan unit komersial di mana nilai asalnya adalah pada RM1.779 bilion. Selepas diskaun nilainya menjadi RM1.56 bilion.

Hartanah rumah kediaman yang ditawarkan adalah pelbagai terdiri daripada yang bernilai di bawah RM100,000 hingga melebihi RM200,000 manakala diskaun yang ditawarkan adalah berbeza daripada minimum 10 peratus kepada 50 peratus.

Tan & Tan Developments Bhd membuka tawaran diskaun itu kepada rakyat asing serta merangka rancangan untuk menarik minat mereka termasuk menghantar pasukan jualan ke Singapura, menawarkan pengambilan percuma di lapangan terbang dan menyediakan kemudahan tempat tinggal percuma di Micasa dan Sucasa, hotel dan pangsapuri perkhidmatan, kata ketua pegawai eksekutif Tan Lei Cheng.

Beliau berkata hartanah yang ditawarkan oleh Tan & Tan adalah unit mewah dalam pasaran yang berharga melebihi RM200,000, sambil menambah pelanggan sasaran termasuklah rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara.

Beliau juga berkata daripada pandangan mereka, penyusutan nilai ringgit berbanding dolar Amerika bermakna pengurangan dalam harga hartanah sehingga 50 peratus.

Ia juga adalah janji niaga yang baik bagi pelabur dan sesiapa yang mahu menaikkan taraf kepada kemudahan bernilai tinggi, jelasnya, sambil menambah hartanah yang ditawarkan untuk dijual bukan semata-mata unit saki baki yang tinggal tetapi unit terbaik yang disediakan.

Sebagai sebahagian daripada sumbangan kepada kempen itu, Persatuan Insurans Am Malaysia akan memberikan diskaun 25 peratus kepada premium insurans bagi hartanah yang dibeli ketika kempen itu, kata pengarah/setiausaha eksekutifnya, Lim Chia Fook.

Lim berkata sebagai tambahan, kira-kira 50 syarikat insurans am yang terbabit dalam kempen itu juga bersetuju untuk menyediakan insurans kemalangan peribadi sebanyak RM10,000 pada premium nominal RM1.00.

Anggota Persatuan Insurans Nyawa Malaysia, yang mahu memainkan peranan aktif dalam membantu sokongan itu, bersetuju untuk membenarkan diskaun 10 peratus bagi premium gadai janji mengurangkan terma jaminan, kata wakilnya, Ahmad Subri Abdullah.

Ahmad, yang juga ketua pegawai eksekutif Mayban Life Assurance Bhd, berkata sebagai sebahagian daripada pakej itu, pembayaran komiyen oleh

syarikat insurans nyawa kepada bank-bank adalah terhad kepada lima peratus.  
-- BERNAMA  
MSL ZK os